

SESSI DISEMBER 2000 – APRIL 2001



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

RUMAH KUTAI II

KOMPLEKS SEJARAH PASIR SALAK

KAMPUNG PASIR SALAK

36800 KAMPUNG GAJAH

PERAK DARUL RIDZUAN

NONADIANA BINTI AINOL BONGSU

NOR AZLIN BINTI AKASHAH

FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

JABATAN SENIBINA DALAMAN

UITM SERI ISKANDAR

CAWANGAN PERAK

DID  
0044

KAJIAN DOKUMENTASI

**RUMAH KUTAI II**

KOMPLEKS SEJARAH PASIR SALAK  
KAMPUNG PASIR SALAK  
36800 KAMPUNG GAJAH  
PERAK DARUL RIDZUAN

FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN  
UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN  
UiTM SERI ISKANDAR  
CAWANGAN PERAK  
2000 / 2001

---

## PENGHARGAAN

Dalam matapelajaran Sejarah dan Senibina Dalaman, Kami selaku penuntut Diploma Senibina Dalaman semester empat telah diberikan satu tugas untuk membuat Dokumentasi Senibina Rumah Melayu Tradisional yang bertajuk **Rumah Melayu Tradisional** sebagai memenuhi kehendak matapelajaran ini. Jadi, kami telah memilih **Rumah Perak** iaitu **Rumah Kutai** di Pasir Salak. Rumah ini terletak di Komplek Sejarah Pasir Salak dan telah menjalani proses pengubahsuaian semula tetapi tidak mengubah sistem sebenar Rumah Kutai tersebut.

Kami telah membuat kajian serta penyelidikan secara terperinci mengenai rumah kajian kami. Di samping membuat kajian, kami telah mendapat banyak dorongan dan bantuan daripada beberapa pihak yang terlibat secara tidak langsung. Oleh itu kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas bantuan yang telah diberikan. Antara mereka yang terlibat ialah :

1. **EN. HASANDI B. MAT**, selaku pensyarah matapelajaran Sejarah dan Senibina Dalaman yang telah banyak memberikan kami tunjuk ajar dan panduan di dalam membuat dokumentasi ini.
  2. **EN. YAACOB B. MAT JERI**, Metro Security di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Beliau adalah orang yang paling banyak dalam memberikan maklumat rumah yang kami kaji iaitu RUMAH KUTAI. Beliau juga banyak menolong kami di dalam mendapatkan cerita-cerita sejarah tentang Rumah Kutai serta menceritakan bagaimanakah pembinaannya secara keseluruhan.
  3. **PENGARAH DAN KAKITANGAN, KOMPLEK SEJARAH PASIR SALAK, PASIR SALAK.**
- 
-

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT****BAB 1 : PENGENALAN**

1.0	PENGENALAN	1
1.1	Mukhadimah	1
1.2	Pengenalan Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Metodologi Kajian	4
1.5	Permasalahan	4

**BAB 2 : SEJARAH DAN LATARBELAKANG**

2.0	PERAK SEPINTAS LALU	9
2.0.1	Asal -usul negeri Perak	9
2.0.2	Kerajaan asal Perak	9
2.0.3	Sejarah penemuan negeri Perak	10
2.1	LATARBELAKANG PERAK TENGAH	10
2.2	SEJARAH PENEMPATAN AWAL	11
2.2.1	Penempatan di sepanjang Sungai Perak	11
2.3	PASIR SALAK DAN SEJARAHNYA SEPINTAS LALU	13
2.3.1	Latarbelakang	13
2.3.2	Peristiwa Pasir Salak	13

## 1.0 PENGENALAN

Sebelum kita melayarkan bahtera dengan lebih jauh lagi, sudah menjadi adat membentang layar terlebih dahulu agar segala masalah yang timbul kemudiannya dapat diatasi. Demikianlah dalam bab ini yang merupakan agenda pengenalan bertanggungjawab untuk memaparkan segala yang berkaitan dengan laporan kajian ini pada keseluruhannya agar segala persoalan dan ketidak arifan yang bermain di minda akan segera terjawab.

### 1.1 Mukhadimah

Warisan Senibina Melayu di negara ini merupakan sesuatu aset yang amat unik dan berharga untuk dikenalkan. Di negara ini, begitu banyak tinggalan warisan senibina yang mempunyai sejarah tersendiri. Ianya merangkumi senibina bangunan-bangunan lama dan rumah-rumah tradisional yang terdiri daripada pelbagai bentuk serta binaan yang amat unik dan menarik. Seni warisan yang unggul ini merangkumi segala aspek budaya yang ditonjolkan melalui perbuatan, bentuk, cara dan segala perkara yang memperlihatkan ciri-ciri sesuatu bangsa.

Kebanyakan senibina lama dan tradisional ini mempunyai kaitan dengan sejarah penempatan awal masyarakat terdahulu. Ada di antara senibina ini mendapat pengaruh dari luar seperti dari Sumatera, Sulawesi, Pattani, Bugis dan lain-lain lagi. Kedatangan pengaruh-pengaruh luar dari segi kepercayaan dan agama serta modernisasi barat turut juga mempengaruhi dan meninggalkan kesan yang jelas di dalam senibina tempatan. Keadaan ini telah turut sama mewarnai corak senibina rumah-rumah Melayu di Malaysia. Selain itu, keadaan negara yang kaya dengan pelbagai kebudayaan dan adat resam menambahkan lagi keunikan dan telah memperkayakan senibina Malaysia di mata dunia.